

Artikel

Kepelbagaian Pandangan Mengenai Kehidupan Awal, Sumbangan dan Pemikiran Hamzah Fansuri
(*Diversity of Views of the Early Life, Contribution and Thought of Hamzah Fansuri*)

Ummi Zainab Mohd Ghazali & Muhammad Azizan Sabjan*

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia,
11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia

*Pengarang Koresponden: mazizan@usm.my

Diserah: 12 Mac 2025

Diterima: 02 Mei 2025

Abstrak: Makalah ini menyusun dan mengumpulkan siri perbahasan para sarjana dari dahulu sehingga sekarang mengenai tempat lahir dan kehidupan awal seorang tokoh sufi ulung Nusantara yang tidak asing lagi iaitu Hamzah Fansuri. Pernyataan masalah makalah ini tertumpu kepada tiadanya tiada maklumat bertulis mengenai tarikh dan kehidupan awal beliau menyebabkan para sarjana terutamanya Syed Naguib Al-Attas, Vladimir Josipovic Braginsky, Gerardus Willebrordus Joannes Drewes, L.F Brakel, Abdul Hadi Wiji Muthari dan Alexander Wain berusaha untuk membentuk naratif kehidupan awal sosok Hamzah Fansuri berdasarkan karya-karya agung tinggalan beliau. Setiap bait puisi Hamzah Fansuri diteliti dan ditafsir, disertakan dengan sisipan fakta sejarah bagi memberi gambaran tepat mengenai sejarah hidup awal tokoh ini. Justeru, objektif makalah ini ialah untuk menelusuri ketelitian para sarjana dalam meneliti dan mentafsir karya Hamzah Fansuri. Kajian ini menggunakan metode kualitatif dengan menganalisis dapatan data secara deskriptif. Kajian mendapati walaupun setiap sarjana ini meneliti dan mentafsir karya Hamzah Fansuri dengan sangat baik dan cermat bagi mencari kebenaran, namun masih tiada kata sepakat yang utuh antara mereka untuk merungkai persoalan riwayat hidup Hamzah Fansuri. Dipercayai keadaan ini akan berterusan sekiranya tiada bukti-bukti baru berkenaan Hamzah Fansuri ditemui dalam masa kini atau masa akan datang. Sumbangan ilmiah kesemua sarjana ini adalah penting untuk digali dan dikumpulkan bagi memastikan legasi karya agung peninggalan Hamzah Fansuri akan terus berkekalan.

Kata kunci: Hamzah Fansuri; sufi; tarikh lahir; tempat lahir; wujud

Abstract: This paper compiles and collects a series of debates by scholars from the past to the present regarding the birthplace and early life of a prominent Sufi figure from the archipelago who is no stranger to the world, namely Hamzah Fansuri. The problem statement of this paper focuses on the lack of written information regarding his date and early life, causing scholars, especially Syed Naguib Al-Attas, Vladimir Josipovic Braginsky, Gerardus Willebrordus Joannes Drewes, L.F Brakel, Abdul Hadi Wiji Muthari and Alexander Wain, to strive to form a narrative of the early life of Hamzah Fansuri based on his wondrous works. Each verse of Hamzah Fansuri's poetry is researched and interpreted, accompanied by historical facts to provide an accurate picture of the early life history of this figure. Therefore, this paper aims to explore the thoroughness of scholars in researching and interpreting the works of Hamzah Fansuri. This study uses a qualitative method by analyzing the data findings descriptively. The study found that although each of these scholars researched and interpreted Hamzah Fansuri's works very well and carefully to find the truth, there is still no solid consensus among them to unravel the question of Hamzah Fansuri's life history. It is believed that this situation will continue if no new evidence regarding Hamzah Fansuri is found in the present or the

future. All these scholars' scholarly contributions must be excavated and collected to ensure that the legacy of Hamzah Fansuri's masterpiece will endure.

Keywords: Hamzah Fansuri; sufi; birthdate; birthplace; exist

Pendahuluan

Hamzah Fansuri merupakan tokoh sufi terawal yang menulis dalam bahasa Melayu dan dikenali melalui karya-karyanya yang menggabungkan unsur tasawuf falsafi, terutamanya konsep *Wahdatul Wujud* yang dipengaruhi oleh pemikiran Ibn Arabi. Terkenal sebagai pengarang dan penyair pertama dalam sejarah para sufi di rantau ini (Al-Attas, 1971; Braginsky 1999), ungkapan gagasan mistiknya dalam bentuk prosa dan perumpamaan telah menawan hati sekalian lapisan masyarakat dahulu dan sekarang bagi menelusuri dan menghayati makna sebenar di sebalik rangkapan-rangkapan syairnya. Hasil makalah beliau telah dijulung sebagai antara makalah sufi yang terulung di kepulauan Melayu Nusantara dan telah mendapat banyak perhatian dan kajian dari ramai pengkaji tempatan dan antarabangsa (Abdul Hadi, 2001; Drewes, 1986). Walaupun sumbangan dan pemikirannya telah banyak dikaji, aspek kehidupan awal beliau masih dipenuhi pelbagai pandangan dan perdebatan. Terdapat ketidakjelasan mengenai asal-usul tempat kelahirannya-sama ada Barus, Aceh, atau wilayah lain di Sumatera-dan juga tentang tempoh masa sebenar beliau hidup. Sebahagian sarjana menyatakan beliau hidup pada akhir abad ke-16 hingga awal abad ke-17, manakala yang lain memberikan tarikh yang berbeza.

Kehidupan awal Hamzah Fansuri memainkan peranan penting dalam membentuk kerangka pemikirannya. Pengembaraannya ke pusat-pusat ilmu Islam seperti Mekah, Madinah, Parsi dan India dipercayai membuka ruang kepada pemahaman yang mendalam terhadap ilmu tasawuf dan falsafah Islam. Pengaruh ini kemudiannya diterjemahkan dalam karya-karya beliau yang menggabungkan unsur tempatan dengan kerangka pemikiran Islam yang universal. Oleh itu, latar kehidupan awal beliau bukan sekadar latar biografi, tetapi merupakan asas penting yang membentuk corak pemikiran dan pendekatan dakwah beliau. Namun begitu, terdapat kepelbagaian pandangan mengenai latar belakang kehidupannya, termasuk asal usul, perjalanan ilmunya serta tarikh sebenar kewujudannya. Perbezaan ini timbul akibat kekurangan bukti dokumentasi yang jelas dan bercanggah, serta wujudnya pengaruh kuat tokoh-tokoh lain seperti Nuruddin al-Raniri yang menolak keras ajaran Hamzah.

Isu kajian ini tertumpu kepada kekaburan dan kepelbagaian pandangan berkaitan kehidupan awal Hamzah Fansuri serta bagaimana latar tersebut mempengaruhi pemikiran sufistiknya. Permasalahan utama ialah kurangnya sumber primer yang dapat mengesahkan butiran kehidupannya secara konkrit, di samping wujudnya polemik terhadap ajarannya. Maka, objektif kajian ini adalah untuk mengumpul dan menganalisis pandangan-pandangan yang berbeza mengenai kehidupan awal Hamzah Fansuri serta menilai bagaimana latar kehidupannya membentuk asas pemikiran dan falsafah sufinya dalam konteks Melayu-Islam.

Sorotan Literatur

Hamzah Fansuri merupakan tokoh sufi terkemuka di Alam Melayu yang dikenali melalui karya-karyanya dalam bentuk syair dan prosa sufi yang sarat dengan falsafah wujudiyah. Kepelbagaian pandangan mengenai kehidupan awalnya mencerminkan keterbatasan sumber sejarah yang sahih. Sebahagian sarjana berpendapat beliau berasal dari Barus, Sumatera, manakala yang lain mengaitkannya dengan Aceh. Ada juga yang mencadangkan beliau pernah mengembara ke Tanah Arab, Parsi dan India, yang kemudiannya mempengaruhi pemikiran dan penulisannya. Sumbangan Hamzah Fansuri dalam perkembangan kesusasteraan dan pemikiran Islam di Nusantara amat signifikan. Beliau dianggap sebagai pelopor penggunaan bahasa Melayu dalam menyampaikan ajaran tasawuf secara sistematik (Al-Attas, 1966). Karyanya seperti *Syair Perahu*, *Syair Dagang*, dan risalah-risalah prosa memperlihatkan penggabungan elemen tempatan dengan pengaruh pemikiran Islam global, khususnya pemikiran Ibn Arabi yang menekankan konsep *Wahdatul Wujud*.

Pemikiran Hamzah sering menjadi subjek perdebatan dalam kalangan ulama. Ada yang menganggapnya sebagai pembaharu kerana keberaniannya membawa falsafah sufi ke dalam konteks Melayu, namun tidak kurang pula yang menolaknya kerana dianggap menyimpang daripada ajaran Islam arus perdana. Ini dibuktikan dengan penentangan dari tokoh seperti Nuruddin al-Raniri yang mengecam ajaran Hamzah

sebagai bidaah dan sesat, serta menyeru agar karya-karyanya dibakar (Miswari, 2023). Namun begitu, melalui kajian moden, para sarjana kini melihat pemikiran Hamzah Fansuri sebagai satu manifestasi intelektualisme Melayu-Islam yang tinggi nilainya, dengan pendekatan mistik yang mendalam dan penyampaian yang puitis. Kepelbagaian pandangan terhadap beliau mencerminkan dinamika pertembungan antara tradisi tempatan dan wacana Islam sejagat, menjadikan Hamzah Fansuri tokoh penting dalam sejarah intelektual Melayu.

Tiada sebarang rekod yang dapat mengesahkan secara pasti perihal lokasi dan tahun yang tepat Hamzah Fansuri dilahirkan. Semua maklumat tempat dan tarikh lahir beliau yang ada pada hari ini hanyalah deduksi dari hasil karya tinggalan beliau yang masih selamat. Punca utama kehilangan rekod ini adalah dari kemusnahan dan pembakaran besar-besaran kitab-kitab yang berkaitan dengan Hamzah Fansuri atas arahan Sultan Iskandar Thani Aceh (1636-1641) di bawah pengaruh al-Raniri (berada di Aceh sekitar 1637-1644), iaitu seteru utama beliau. Walaupun tidak hidup sezaman dan mereka berdua tidak pernah bersua muka, akar utama perseteruan antara Hamzah dan al-Raniri adalah kerana ketidaksefahaman mereka mengenai pemikiran wujudyyah yang dipopularkan oleh Hamzah (Hadi, 2003; Hakiki, 2018).

Metodologi

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif sebagai pendekatan utama dalam menelusuri dan memahami kepelbagaian pandangan mengenai kehidupan awal Hamzah Fansuri serta hubungannya dengan pembentukan kerangka pemikirannya. Pendekatan kualitatif dipilih kerana ia bersifat deskriptif dan interpretatif, sesuai untuk menggali makna yang mendalam terhadap teks-teks klasik serta memahami konteks sejarah dan intelektual yang melatari tokoh yang dikaji. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menilai naratif yang wujud secara kritis dan membina hujah berasaskan makna tersirat yang terdapat dalam sumber-sumber bertulis (Mazlan et al., 2025).

Kaedah pengumpulan data utama dalam kajian ini ialah analisis dokumen. Analisis dokumen dipilih kerana kebanyakan maklumat berkaitan Hamzah Fansuri hanya dapat diperoleh melalui teks sejarah dan kesusasteraan, memandangkan tiadanya rekod biografi yang lengkap dan sahih. Reka bentuk kajian makalah ini tertumpu kepada kajian-kajian sarjana yang membincangkan mengenai sejarah hidup awal Hamzah Fansuri seperti tarikh, tempat lahir dan lokasi pengembaraan beliau. Pendekatan kajian sebegini penting supaya dapat memberi gambaran awal mengenai perjalanan hidup Hamzah Fansuri dan bagaimana kerangka pemikiran sufi beliau terbentuk. Pemikiran sufi dan mistikal beliau yang masyhur tidak akan dibincangkan dengan lanjut dalam makalah ini. Sebaliknya, analisis data kajian makalah ini tertumpu kepada tafsiran terpilih bait-bait syair Hamzah Fansuri yang telah diutarakan oleh para sarjana dan pengkaji beliau yang terkenal seperti Syed Naguib Al-Attas, Vladimir Iosifovich Braginsky, Gerardus Willebrordus Joannes Drewes, L.F Brakel, Abdul Hadi Wiji Muthari serta Alexander Wain yang akan dijadikan sebagai sumber dan asas utama kajian bagi menjelaskan mengenai kehidupan awal beliau.

Kaedah ini juga membolehkan kajian dijalankan secara sistematik terhadap pelbagai sumber yang telah dikumpulkan oleh penyelidik terdahulu, sekaligus membina semula naratif yang lebih menyeluruh dan kritikal. Dengan menganalisis dokumen secara mendalam, kajian ini berupaya menelusuri latar kehidupan awal Hamzah Fansuri secara kontekstual, menilai wacana yang membentuk pemikirannya, serta merungkai pengaruh sejarah dan budaya dalam karya-karyanya. Kaedah ini sesuai dan relevan bagi kajian yang bersifat sejarah dan intelektual seperti ini.

Hasil Kajian dan Perbincangan

Hamzah Fansuri dipercayai hidup pada zaman pemerintahan Sultan Iskandar Muda Mahkota Alam yang memerintah Aceh antara tahun 1606-1636M. Dalam usaha menambah ilmu pengetahuan, berdasarkan catatan karyanya beliau telah mengembara ke pelbagai tempat seperti Mekah, Madinah, Baghdad, Pahang (Tanah Melayu), dan Kudus (Pulau Jawa). Selain menguasai bahasa Melayu yang menjadi bahasa ibundanya, beliau juga fasih berbahasa Arab dan Parsi. Hamzah Fansuri diakui sebagai penyair Melayu pertama iaitu penyair pertama yang diketahui menulis dalam bentuk puisi bahasa Melayu yang dikenali sebagai syair. Beliau merupakan pelopor berkembangnya syair di seluruh Nusantara dan merupakan penyair Melayu pertama yang menghasilkan syair-syair bersadur keagamaan (Yasin et al., 2024).

Hasil karya Hamzah Fansuri terdiri daripada syair dan prosa yang ditulis dalam bahasa Melayu klasik, menjadikannya sebagai pelopor dalam penyebaran ilmu kerohanian melalui medium sastera tempatan. Antara karya syair beliau yang terkenal ialah *Syair Perahu*, *Syair Dagang*, dan *Syair Si Burung Pingai*. Syair-syair ini bukan hanya sekadar karya sastera, tetapi juga mengandungi pengajaran aspek kerohanian dan keabstrakan falsafah hidup yang mendalam (Nur Arifa & Nur Widad Mazaya, 2023). Dalam karya prosanya pula, beliau mengupas aspek-aspek tasawuf seperti perjalanan jiwa menuju Tuhan, hakikat insan, dan konsep *wujud* dalam Islam.

Gaya penulisan Hamzah menampilkan keindahan bahasa yang berseni, dengan penggunaan metafora dan simbolisme yang kaya, sekaligus memudahkan penyampaian konsep-konsep sufi yang kompleks kepada masyarakat Melayu ketika itu. Sebelum kemunculan Hamzah Fansuri, karya-karya sufi di alam Melayu kebanyakannya adalah dalam versi bahasa Arab dan juga bahasa Parsi (Ni'am, 2017). Karya-karya Hamzah Fansuri meningkatkan kebolehcapaian dan kebolehfahaman konsep sufi yang kompleks ke dalam jiwa nurani dan pemikiran masyarakat Melayu di samping menjulang ketinggian martabat bahasa Melayu di seluruh pelosok Nusantara. Karya-karyanya menunjukkan gabungan antara pengaruh Islam sejagat dengan budaya tempatan, dan terus menjadi rujukan penting dalam kajian kesusasteraan serta pemikiran Islam di rantau ini. Syair Hamzah Fansuri sarat dengan keindahan kosa kata dan tamsilan pengajaran hidup yang memerlukan tafsiran bersama dari sudut tekstual dan kontekstual. Contohnya petikan *Syair Dagang* ini (Abd. Rahman et al., 2024):

*“Dengarlah encik permulaan khabar,
Asalnya kalam daripadanya akar,
Asal dakwat daripadanya damar,
Hamba mengarang baharu belajar”*

*“Adapun konon suatu hari,
Duduk termenung seorang diri,
Di dalam kalbu terlalu dengari,
Mengenangkan nasib badan sendiri”*

Sehingga kini, tiada seorang pun yang dapat menzahirkan secara pasti dan sahih di mana dan bila sosok ulung Hamzah Fansuri dilahirkan. Majoriti pengkaji utama Hamzah Fansuri seperti Braginsky, Drewes, Brakel dan Abdul Hadi merumuskan bahawa beliau telah dilahirkan di Barus, sebuah bandar di pesisiran barat Sumatera Utara (Hadi, 2003). Barus amat terkenal dengan produk kapur nya. Kemasyhuran kapur dari Barus melebar ke timur tengah dan juga Eropah, malah terdapat catatan menyatakan kapur dari Barus telah digunakan untuk mengawet mumia di Mesir (Hakiki, 2018). Catatan awal dari China melaporkan Barus dahulukala digelar *Pin-Su*, atau *Pan-ts'ut* dalam Kantonis, yang bunyinya seakan-akan *Pansur* atau *Pansor* (Al-Attas, 1966). Golongan Arab dan Eropah pada zaman pertengahan yang mula-mula memberi gelaran *Fansur* kepada Barus. Dari sinilah istilah Fansuri pada pangkal nama Hamzah terhasil.

Syed Naguib Al-Attas, individu pertama yang telah menterjemah karya Hamzah Fansuri dengan lengkap ke dalam bahasa Inggeris, berpandangan bahawa Hamzah Fansuri memang kampung halamannya di Fansur (Barus), namun beliau tidak dilahirkan di situ (Al- Attas, 1966). Ini berdasarkan petikan dua baris ayat dari karya Hamzah Fansuri berikut:

“Hamzah nin asalnya Fansuri, Mendapat wujud di tanah Shahr Nawi...”

Menurut Syed Naguib, Hamzah sedang memberitahu kita yang asal-usulnya (keturunan ataupun susur galur ibu bapa dan moyangnya) memang beliau dari Barus, namun beliau lahir (mendapat wujud) di Shahr Nawi. Shahr Nawi merupakan nama lama bagi bandar Ayuthia di negara Thai, dan ia bermaksud “Kota Baru”, dan berasal dari perkataan Parsi (Al- Attas, 1966). Hal ini diperkuatkan lagi dengan rangkap berikut:

“Hamzah Shahr Nawi zahirnya Jawi...”

Rangkap tersebut menunjukkan Hamzah mengikat dirinya dengan Shahr Nawi (Hamzah Shahr Nawi), namun beliau masih tidak melupakan asal-usulnya yang berketurunan Melayu (zahirnya jawi). Ini petanda bahawa Hamzah sejak kecil telah berada di Shahr Nawi namun beliau masih terkenang tempat asal usul keturunan ibu bapanya.

“Hamzah Fansuri di dalam Makkah, Mencari Tuhan di Bayt al-Kaabah, Di Barus ke Kudus terlalu payah, Akhirnya dapat di dalam rumah”

Kudus dalam syair tersebut ditafsir oleh Syed Naguib sebagai membawa makna tanah Jawa, kerana terdapat sebuah tempat di Jawa Timur pada masa itu yang bernama Kudus. Berdasarkan rangkap-rangkap tersebut, juga berbekalkan tulisan bait-bait Syair Dagang (juga makalah Hamzah Fansuri) yang berunsur autobiografi, serta catatan dari Ma Huan, Syed Naguib telah menyimpulkan sebagaimana yang berikut:

“Hamzah kemungkinan besar telah dibawa ibu bapanya dari Barus ke Shahr Nawi ketika beliau masih dalam kandungan ibunya ataupun ketika beliau masih amat kecil. Tragedi mungkin telah menimpa ibu bapanya di sana yang menyebabkan Hamzah telah menjadi yatim piatu sejak dari kecil. Hamzah mula berinteraksi dengan pedagang-pedagang Parsi di Shahr Nawi yang sebahagiannya beraliran sufi sehingga membolehkan beliau menguasai bahasa Parsi. Hasil pendedahan ini, beliau mula mempelajari ilmu tasawuf sehingga membawa beliau mengembara ke Malaya, tanah Jawa, serta ke timur tengah termasuklah ke Mekah.” (Al-Attas, 1966)

Ma Huan merupakan seorang pengembara, penulis dan penterjemah Muslim yang mengiringi laksamana terkenal China iaitu Zheng He (Cheng Ho) dalam beberapa pelayarannya ke Lautan Barat (Lautan Hindi) pada awal abad ke-15. Kepercayaan Islam Ma Huan tercatat dalam tulisannya iaitu *Yingyai Shenglan (Kajian Menyeluruh Pesisir Lautan)* dan pengetahuannya tentang bahasa Arab memainkan peranan penting dalam tugasnya sebagai penterjemah semasa pelayaran tersebut (Chularatana, 2008). Dalam catatannya, beliau telah menulis bahawa terdapat kehadiran 500-600 keluarga “asing” di Ayutthaya atau Ayuthia, kemungkinan besarnya keluarga Parsi (Al-Attas, 1966; Marcinkowski, 2002).

“Hamzah nin asalnya Fansuri, Mendapat wujud di tanah Shahr Nawi, Beroleh khilafat ilmu yang ali, Daripada Abdul Qadir Sayyid Jailani”

*“Syaikh al-Fansuri terlalu ali,
Beroleh khilafat di benua Baghdadi...”*

Bersumberkan petikan tersebut, Syed Naguib beranggapan dalam salah satu siri penjelajahannya, Hamzah telah melawat Baghdad, yang pada masa itu merupakan pusat pengajaran fahaman Tariqat al-Qadiriyyah, di mana Shaykh Abdul Qadir Jailani sangat dihormati sebagai guru agung di sana. Hamzah telah dikurniakan ijazah pengajian sufi daripada pemimpin Qadiriyyah di situ pada masa itu iaitu Shaykh Qadir (Al-Attas, 1966).

Hamzah melaporkan Shaykh Qadir ini juga dipanggil sebagai Abdul Qadir, kebetulan nama yang sama sebagaimana pengasasnya iaitu Shaykh Abdul Qadir Jailani:

“Hamzah nin ilmunya zahir, Ustadhnya Syaikh Abdul Qadir...”

Tetapi ini mungkin juga membawa pengertian yang ia tidak merujuk kepada nama sebenar individu yang mengajar Hamzah; gurunya itu mungkin cuma digelar Sheikh Abdul Qadir bersempena nama Shaykh Abdul Qadir Jailani berdasarkan susur galur keturunan ilmunya (Al-Attas, 1966).

Namun menurut seorang lagi pengkaji utama Hamzah Fansuri yang berasal dari Belanda, G.W.J Drewes (1986), ungkapan

*“Hamzah nin asalnya Fansuri,
Mendapat wujud di tanah Shahr Nawi...”*

adalah bermaksud Hamzah sememangnya lahir di Fansuri, namun beliau mendapat pengalaman mistik (wujudiyah) beliau di Shahr Nawī. Pendapat ini diperkuatkan lagi dengan rangkap syair Hamzah yang berikut:

“Rahman itulah yang bernama Wujud, Keadaan Tuhan yang sentiasa Maabud, Kenyataan Islam, Nasrani dan Yahud, Dari Rahman itulah sekalian Mawjud.”

Rangkap syair Hamzah di atas secara jelas mengaitkan perkataan wujud dengan Rahman, iaitu salah satu nama Tuhan. Ia membuktikan Hamzah mendapat wujud ataupun hidayah ataupun kelahiran spiritual di Shahr Nawī, bukannya kelahiran fizikal. Pendapat ini turut disokong oleh L.F Brakel (1969), seorang lagi pengkaji terkenal Hamzah Fansuri dari Belanda yang menegaskan tempat lahir sebenar Hamzah Fansuri adalah di Barus. Menurutnya, rangkap syair Hamzah mendapat wujud di tanah Shahr Nawī tidak boleh dibaca berasingan dengan syair lain yang juga menyebut perkataan wujud dari sudut unsur mistikal. Dalam kajian hermeneutik, iaitu satu disiplin kajian yang berkaitan dengan teori dan seni pentafsiran terutamanya berkaitan dengan teks atau naskah, tema rangkap syair kebiasaannya seragam dan tidak boleh ditafsir secara berasingan (Austrus et al., 2024). Ringkasnya, makna Hamzah mendapat wujud di tanah Shahr Nawī tidak boleh dibaca secara fizikal atau lahiriah, ia perlu ditafsir sebagai bermaksud mendapat wujud batiniah atau pengalaman mistik (Brakel, 1969).

Walaupun Drewes dan Brakel (1986) sepakat bersetuju bahawa Hamzah dilahirkan di Barus atau Fansur, namun mereka tidak mencapai kata sepakat mengenai lokasi sebenar Shahr Nawī. Drewes bersetuju dengan Syed Naguib yang mengandaikan bahawa Shahr Nawī terletak di Ayuthia, iaitu ibu negeri kerajaan lama Siam. Drewes juga berpendapat bahawa Hamzah belajar bahasa Parsi melalui golongan Tamil Muslim di Shahr Nawī Ayuthia, memandangkan tiada bukti kukuh menunjukkan bahasa Parsi digunakan secara meluas di tanah Aceh dan kawasan sekitarnya pada zaman tersebut (Drewes, 1986).

Drewes mengakui hakikat bahawa masyarakat Tamil Muslim yang mengikuti aliran sufi ada yang mampu berbahasa Parsi, namun menurutnya golongan sufi Tamil Muslim yang berpengaruh, berpengetahuan Parsi tinggi dan kerap meneliti kitab Parsi hanya kemungkinan besar hanya terdapat di Shahr Nawī Ayuthia pada masa itu, dan bukan di kawasan Aceh (Drewes & Brakel, 1986).

Bagaimanapun, Drewes berpandangan bahawa penguasaan bahasa dan kesusasteraan Parsi Hamzah Fansuri adalah hanya berada di tahap sederhana, pandangan yang ditentang oleh Syed Naguib, Brakel, Braginsky, dan Abdul Hadi. Penentangan ini berlaku kerana mereka berpendapat bahawa kayu ukur ketinggian bahasa Parsi Hamzah bukan sepatutnya hanya diukur pada saduran bahasa dan prosa Parsi dalam karya beliau, namun perlu mengambil kira kemahiran Hamzah memahami karya-karya Parsi yang kompleks dan masih asing di tanah Nusantara pada masa itu. Al-Attas (1971) turut mengkaji sumber-sumber rujukan Hamzah Fansuri dalam karya-karyanya, dan menyenaraikan 15 penulis, termasuklah al-Bisṭāmī, al-Ḥallāj, al-Ghazālī, Rumi, dan Ibn al-‘Arabī, dan menyimpulkan bahawa Hamzah hampir pasti telah membaca kesemua karya mereka dan ini memerlukan aras bahasa Arab atau Parsi yang tinggi.

Ini disokong oleh Johns (1990) dalam komentarnya mengenai syair Hamzah Fansuri, di mana beliau berpendapat hanya individu yang berpengetahuan bahasa Melayu dan Parsi yang tinggi yang mampu menggabungkan ritma kedua-dua bahasa ini. Brakel (1969) pula berpendapat Shahr Nawī bukan berada di Siam, sebaliknya di Banda Aceh. Ini berdasarkan petikan di dalam Hikayat Aceh yang menyebut mengenai suatu tempat di Aceh yang diberi nama Shahr Nu ataupun Shahr Nawī, yang terletak tidak jauh dari istana Sultan Aceh iaitu cuma sehari semalaman perjalanan, dan ia terletak di dalam kawasan hutan. Bagi menguatkan hujahnya, Brakel memetik satu rangkap puisi dari Hamzah Fansuri sendiri iaitu:

“Hamzah Shahr Nawī terlalu hapus, Seperti kayu sekalian hangus...”

Bagi membuktikan bahawa Hamzah mengasingkan diri ke dalam suatu kawasan hutan berkayu di Shahr Nawī bagi menenggelamkan dirinya ke alam mistikal, dan bukannya ke bandar besar seperti Shahr Nawī Ayuthia yang sesak dengan orang ramai. Berdasarkan bukti ini, Brakel berpandangan Hamzah mendapat wujud batiniah ataupun pengalaman mistik ataupun kelahiran spiritual di suatu tempat bernama Shahr Nawī di Aceh, bukannya di Siam (Brakel, 1969).

Disebabkan tiada sumber lain yang menyebut mengenai kewujudan Shahr Nawi di Aceh kecuali Hikayat Aceh, dan juga Shahr Nawi Aceh letaknya dalam kawasan hutan, maka Brakel berpandangan bahawa Hamzah belajar bahasa Parsi di Barus, suatu pelabuhan yang dikunjungi pedagang Islam serata dunia. Menurut beliau, sekiranya pedagang Islam seluruh dunia berkumpul di Barus, semestinya bahasa Parsi merupakan salah satu bahasa yang dituturkan di situ (Brakel, 1969). Ini dibuktikan menerusi penulisan buku saduran Parsi yang terkenal di Aceh pada masa itu berjudul *Taj Al-Salatin (Mahkota Raja-Raja)* karya Bukhari al-Jauhari pada tahun 1603 (Alatas, 2018). Sekiranya buku saduran Parsi telah ditulis di Aceh pada masa itu dan telah digunakan di istana Aceh sebagai rujukan sultan, semestinya pengaruh Parsi sudah kuat di situ semenjak zaman awal Hamzah Fansuri.

Justeru, tiada sumber lain yang menceritakan mengenai Shahr Nawi Aceh melainkan Hikayat Aceh. Hikayat Aceh juga langsung tidak menyebut mengenai Hamzah Fansuri, suatu misteri yang belum terungkai memandangkan Hamzah Fansuri memainkan peranan yang besar dalam kerajaan Aceh pada zaman tersebut. Pelayar terkenal Inggeris, John Davis yang melawat Aceh pada tahun 1599 melaporkan terdapat di dalam istana sultan Aceh seorang pemimpin agama yang mempunyai pengaruh ke atas sultan dan sangat dihormati oleh sultan dan sekalian rakyat, dipercayai merujuk kepada Hamzah Fansuri (Davis, 2017). Begitu juga tiada rekod kehadiran kumpulan atau individu Parsi atau sufi yang signifikan yang mendiami kawasan sekitar Aceh pada waktu zaman awal Hamzah. Kitab *Taj Al-Salatin (Mahkota Raja-Raja)* karya Bukhari al-Jauhari pula hadir hanya setelah Hamzah berada di penghujung usia ataupun telah meninggal dunia. Dengan kata lain, pengaruh Hamzah Fansuri.

Tiada sumber lain juga yang menceritakan mengenai Shahr Nawi Aceh melainkan Hikayat Aceh. Hikayat Aceh juga langsung tidak menyebut mengenai Hamzah Fansuri, suatu misteri yang belum terungkai memandangkan Hamzah Fansuri memainkan peranan yang besar dalam kerajaan Aceh pada zaman tersebut. Pelayar terkenal Inggeris, John Davis yang melawat Aceh pada tahun 1599 melaporkan terdapat di dalam istana sultan Aceh seorang pemimpin agama yang mempunyai pengaruh ke atas sultan dan sangat dihormati oleh sultan dan sekalian rakyat, dipercayai merujuk kepada Hamzah Fansuri (Davis, 2017). Tiada juga rekod kehadiran kumpulan atau individu Parsi atau sufi yang signifikan yang mendiami kawasan sekitar Aceh pada waktu zaman awal Hamzah. Kitab *Taj Al-Salatin (Mahkota Raja-Raja)* karya Bukhari al-Jauhari pula hadir hanya setelah Hamzah berada di penghujung usia ataupun telah meninggal dunia. Dengan kata lain, pengaruh Hamzah Fansuri di hujung hayatnya yang menyebabkan kitab tersebut boleh diterbitkan. Menurut Syed Naquib, Hamzah hampir pasti telah meninggal dunia sebelum tahun 1607 (Al-Attas, 1966) manakala Drewes berpandangan Hamzah kemungkinan besar telah meninggal dunia sebelum tahun 1590 (Drewes & Brakel, 1986). Malahan Abdul Hadi (2001) menegaskan Hamzah Fansuri adalah individu pertama yang menterjemah karya sufi Arab dan Parsi ke dalam bahasa Melayu di tanah Aceh. Dengan ketiadaan bukti ini, sukar dijelaskan dari mana Hamzah Fansuri memiliki kemahiran berbahasa Parsi yang agak mendalam.

Sebaliknya, Shahr Nawi Ayuthia mempunyai rekod sejarah yang kukuh menunjukkan kehadiran warga Muslim dari seluruh dunia iaitu India, Parsi, Turki, tanah Arab serta dari tanah Melayu sendiri (Villiers, 1998). Pada tahun 1554, Fernão Mendez Pinto dalam suratnya yang ditulis di kota Melaka, melaporkan terdapat tujuh masjid dan kira-kira 30,000 keluarga Muslim yang tinggal di Ayuthia (Fernão Mendes Pinto & Catz, 2001; Drewes, 1986). Ditambah dengan catatan dari Ma Huan yang menyebut terdapat lebih kurang 500-600 keluarga asing yang dipercayai masyarakat Parsi, ia membuktikan Shahr Nawi Ayuthia mempunyai populasi masyarakat Parsi yang signifikan pada waktu itu. Penamaan Shahr Nawi itu sendiri yang berasal dari ungkapan Parsi dan direkodkan oleh pelbagai sumber sejarah membuktikan kewujudan kota kosmopolitan Shahr Nawi Ayuthiya di mana Hamzah Fansuri dipercayai mendapat kelahiran fizikal ataupun spiritual.

Alexander Wain, seorang pakar sejarah Islam Asia Tenggara yang beragama Islam, bagaimanapun mempunyai pendapat yang sedikit berbeza. Beliau menggabungkan rangkap- rangkap syair Hamzah Fansuri yang berikut iaitu:

“Syaikh al-Fansuri terlalu ali,
Beroleh khilafat di benua Baghdadi...”

“Hamzah Fansuri di dalam Makkah, Mencari Tuhan di Bayt al-Kaabah, Di Barus ke Kudus terlalu payah, Akhirnya dapat di dalam rumah.”

*“Hamzah nin asalnya Fansuri,
Mendapat wujud di tanah Shahr Nawi...”*

Hasilnya, beliau mentafsirkan syair itu sebagai membawa maksud bahawa Hamzah mengembara sehingga ke Baghdad dan Makkah. Di Baghdad, Hamzah diterima masuk ke dalam ajaran sufi Qadiriyyah yang telah diasaskan oleh Shaykh Abdul Qadir Jailani. Dari situ beliau terus mengembara mencari erti dan kebenaran dari Tuhan sehinggalah membawa beliau ke kota Mekah. Hamzah masih tidak menjumpai apa yang dicarinya, dan beliau berazam ingin ke Kudus.

Alexander Wain bagaimanapun tidak menjelaskan sama ada beliau beranggapan Kudus itu adalah tanah Jawa seperti tafsiran Syed Naquib, ataupun Kudus itu Baitul Maqdis seperti tafsiran Drewes dan Brakel. Setelah diselubungi kekecewaan kerana gagal ke Kudus, Hamzah pulang ke “rumah”nya dan beliau dikurniakan pengalaman mistik yang dicari- carinya di situ. Apa yang pasti, Alexander Wain setuju bahawa Hamzah mendapat pencerahan ataupun pengalaman mistik beliau di tanah Shahr Nawi yang baginya terletak di Ayuthia (Wain & Kamali, 2018).

Dalam nada yang sama, bagi bait syair

“Hamzah Fansuri di dalam Makkah, Mencari Tuhan di Bayt al-Kaabah, Di Barus ke Kudus terlalu payah, Akhirnya dapat di dalam rumah.”

Drewes dan Brakel (1986) sependapat dengan seorang pengkaji terkenal Hamzah Fansuri dari Indonesia, iaitu Abdul Hadi Wiji Muthari yang berpandangan bahawa Kudus dalam rangkap tersebut membawa maksud Baitul Maqdis di Palestin, bukannya tanah Jawa seperti tafsiran Syed Naquib. Memang terdapat suatu nama tempat bernama Kudus di Jawa Timur pada waktu itu, namun ejaan Kudus dalam huruf Arab adalah Q.D.S, iaitu al-Quds, merujuk kepada Baitul Maqdis di Palestin, tempat sebenar yang dimaksudkan oleh Hamzah, bukannya tanah Jawa (Drewes & Brakel, 1986; Abdul Hadi, 2001).

Sepertimana Syed Naquib dengan tegas menyatakan Hamzah tidak pernah menjejak kaki ke Parsi (Al-Attas 1966), Drewes dan Brakel (1986) juga dengan tegas menyatakan Hamzah tidak pernah melawat tanah Jawa. Menurut Drewes dan Brakel, Hamzah mengembara sehingga ke tanah suci Makkah dan beliau berhasrat ke Baitul Maqdis selepas itu. Bagi Drewes dan Brakel, ungkapan “Di Barus ke Kudus terlalu payah” membawa maksud Hamzah telahpun mendapat pencerahan ataupun pengalaman mistik beliau di rumah atau tanahairnya sendiri, maka adalah sia-sia dan membuang masa sekiranya beliau ingin meneruskan perjalanan ke Baitul Maqdis (Drewes & Brakel, 1986). Tafsiran ini amat berbeza dengan tafsiran yang diberikan oleh Alexander Wain.

Vladimir Josipovic Braginsky (1999), seorang sarjana ulung sastera Melayu klasik dari Rusia yang banyak membuat kajian mengenai Hamzah Fansuri, menolak andaian bahawa Hamzah mendapat pengalaman spiritual di Shahr Nawi Ayuthia, menolak pendapat bahawa Hamzah pernah menjejakkan kaki di Baitul Maqdis, tidak bersetuju dengan pandangan Hamzah tidak pernah menziarah tanah Jawa, dan juga menentang pendapat yang menyatakan bahasa dan kesusasteraan Parsi Hamzah hanyalah di taraf sederhana (Braginsky, 1999). Beliau juga sependapat dengan Brakel yang berpandangan Shahr Nawi terletak di suatu kawasan hutan berhampiran Aceh. Menurutny:

“Hamzah menemui kebenaran Tuhan yang amat didambakannya sepulangnya beliau dari Qudus iaitu tanah Jawa. Ia menetap di sebuah perkampungan kecil Shahr Nawi (ertinya Kota Baru) yang terpencil di tengah hutan rimba kira-kira seharian perjalanan dari ibu kota Aceh. Menurut Hamzah, di sinilah beliau dilahirkan sekali lagi, iaitu tempat di mana beliau mendapat Wujud sejati. Kerana itulah di dalam puisinya Hamzah kadang-kadang mengikat dirinya sebagai anak dua kota iaitu Fansur dan Shahr Nawi” (Braginsky, 1992)

Braginsky (1999) turut menyatakan penyebutan nama-nama daerah lain seperti Kudus, Makkah, Baghdad, dan Shahr Nawi dalam syair-syair Hamzah Fansūrī adalah hanya sebahagian dari kesan pengalaman mistikal beragama yang diperolehi Hamzah. Ia tidak sepenuhnya atau kesemuanya membawa makna tempat fizikal seperti yang difahami oleh Syed Naquib dan lain-lain.

Terdapat sedikit perbezaan riwayat hidup Hamzah Fansuri jika dibandingkan antara nukilan Syed Naquib dengan Abdul Hadi Wiji Muthari, seorang pengkaji Hamzah Fansuri yang berpengaruh dari Indonesia. Menurut Abdul Hadi, yang menamatkan tesis PhD beliau di USM Pulau Pinang pada 1996, Hamzah Fansuri telah dilahirkan di tanah Fansuri atau Barus dan diperkirakan hidup antara pertengahan abad ke-16 dan 17. Sejak akhir abad ke-16, tanah kelahirannya masuk ke dalam wilayah Kerajaan Aceh Darussalam.

Abdul Hadi (2001) berpendapat Hamzah mula belajar bahasa Arab, Parsi serta sufi tasawuf dan mendampingi tariqat di tanah Barus, sama seperti pandangan Brakel, dan berbeza dengan Syed Naquib yang percaya Hamzah didedahkan kepada golongan sufi di Shahr Nawi. Dalam bidasannya terhadap Syed Naquib, Abdul Hadi mengingatkan beliau bahawa pada abad ke-16, Barus adalah sebuah bandar pelabuhan perdagangan yang penting serta dikunjungi pedagang dari seluruh dunia. Ini dibuktikan menerusi catatan pelayar Portugis terkenal iaitu Tome Pires semasa beliau melawat Barus pada awal abad ke-16 di dalam karya agungnya *Suma Oriental*:

“Sekarang tibalah masanya untuk kita berbicara mengenai kerajaan yang sangat kaya, Barus, yang juga disebut Panchur atau Pansur. Orang Gujerat memanggilnya Panchur, begitu juga dengan orang Parsi, Arab, Kling, Benggala (Bengal), dan sebagainya. Sumatra menyebutnya Barus (Baruus). Ini semua adalah satu kerajaan, bukan dua. Ia dibatasi oleh Tico di satu sisi dan di sisi lain oleh tanah kerajaan Singkel; di pedalaman, ia mempunyai hubungan dengan orang Minangkabau, dan di depannya, di laut, terdapat pulau Nias (Minhac Barros), tentangnya kita akan berbicara. Kerajaan ini (Fansur) adalah pusat perdagangan barang-barang ini di seluruh pulau Sumatra, kerana ini adalah pelabuhan yang dilalui oleh emas, sutera, benzoin, kapur barus dalam kuantiti yang banyak..., madu dan barang-barang lain di mana kerajaan ini lebih kaya daripada yang lain yang telah dijelaskan...dan semua barang dagangan dikumpulkan di kerajaan-kerajaan ini...” (Cartesao, 1967)

Menurutnya lagi, di kota yang sarat dengan pedagang Arab dan Parsi itu, maka tidaklah sesuatu yang sulit bagi Hamzah untuk mempelajari kedua-dua bahasa asing itu (Abdul Hadi, 2001). Abdul Hadi juga percaya bahawa Shahr Nawi letaknya tidak jauh dari Barus, berdasarkan rangkap terakhir puisi Hamzah Fansuri yang berikut

“Hamzah Shahr Nawi terlalu hapus, Seperti kayu sekalian hangus, Asalnya laut tiada berharus, Menjadi kapur di dalam Barus”

“Menjadi kapur di dalam Barus” ditafsirkan oleh Abdul Hadi (2001) sebagai membawa pengertian bahawa Hamzah telah mencapai hakikat kebenaran dirinya dan Tuhan di suatu tempat di Barus. Jika digabungkan baris tersebut dengan baris “Mendapat wujud di tanah Shahr Nawi” maka ia bermaksud Shahr Nawi merupakan satu kawasan dalam lingkungan Barus yang letaknya tidak jauh dari Barus, tempat di mana Hamzah mendapat kelahiran spiritual dan pencerahan batiniah.

Menurut Abdul Hadi lagi, setelah mengembara ke pelbagai pusat Islam seperti Baghdad, Mekah, Madinah dan Baitul Maqdis, Hamzah akhirnya kembali ke tanah airnya sendiri lalu mengembangkan ajaran tasawuf nya sehingga ke akhir hayatnya.

Kesimpulan

Hamzah Fansuri adalah tokoh sufi ulung dan dipercayai merupakan individu pertama yang memperkenalkan konsep rangkap syair sufi di gugusan Nusantara. Tempat sebenar kelahiran beliau masih tidak dapat dipastikan, kemungkinan besarnya di Fansur atau Barus pada masa kini yang terletak di pulau Sumatera Indonesia. Beliau mendapat pendedahan awal mengenai aliran sufi di Shahr Nawi, iaitu sebuah tempat sama ada di sekitar Aceh ataupun Siam. Dari situ, beliau mengembara ke Baghdad, Mekah, Baitul Maqdis, tanah Melayu, serta tanah Jawa bagi mencari hakikat ketuhanan, dan akhirnya beliau menjumpainya di kediamannya sendiri. Setelah memperoleh hakikat kebenaran, beliau menyebarkan fahamannya di tanah airnya sendiri dan akhirnya menjadi tonggak pemula kebangkitan kerajaan Aceh pada awal zaman kegemilangannya. Kesemua maklumat ini ditafsir oleh pengkaji-pengkaji beliau melalui tinggalan karya syair-syair beliau yang masih selamat, kerana kebanyakan karya beliau telah dimusnahkan oleh pemerintah yang tidak bersetuju dengan

pemikiran beliau selepas peninggalannya. Kajian ini telah mengenal pasti bahawa maklumat mengenai kehidupan awal Hamzah Fansuri masih kabur dan menjadi perdebatan dalam kalangan sarjana. Justeru, kajian akan datang boleh difokuskan secara lebih terperinci terhadap usaha menjejak asal-usul geografi dan sejarah hidup beliau melalui pendekatan yang lebih luas seperti kajian manuskrip lanjutan serta kajian lapangan di wilayah-wilayah yang dikaitkan dengan beliau seperti Barus, Aceh, dan Ayutthaya, serta analisis teks dalam konteks sejarah tempatan. Penelitian terhadap dokumen sejarah Islam dan perdagangan pada abad ke-16 dan ke-17 juga boleh membantu mengenal pasti jaringan intelektual dan pergerakan fizikal Hamzah Fansuri semasa hayatnya. Implikasi kajian ini bukan sahaja bersifat akademik, malah membantu generasi kini memahami warisan keilmuan tempatan, menghargai kepelbagaian pemikiran dalam Islam, serta merapatkan jurang antara tradisi keagamaan masa lalu dengan wacana semasa. Kajian lanjut mengenai Hamzah Fansuri perlu diteruskan kerana sekiranya tiada penemuan baru yang dijumpai, dikhuatiri maklumat sebenar kehidupan awal Hamzah Fansuri akan kekal diselubungi misteri.

Penghargaan: Penghargaan kepada Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia di atas segala bantuan kemudahan yang diberikan dalam menyiapkan makalah ini.

Persetujuan Termaklum: Persetujuan telah diperolehi daripada kedua-dua penulis makalah ini.

Konflik Kepentingan: Pengarang mengisytiharkan tiada konflik kepentingan.

Rujukan

- Abdul Hadi W.M. 2001. *Tasawuf Yang Tertindas Kajian Hermeneutik Terhadap Karya-Karya Hamzah Fansuri*. Penerbit Paramadina.
- Abd. Rahman, M. M., Idris, Z., & Jamian, M. N. (2024). Penelitian Gaya Bahasa Perbandingan dalam Syair Dagang Adanya Karya Sheikh Hamzah Fansuri (The Study of Comparative Figures of Speech in the Poem Syair Dagang Adanya by Sheikh Hamzah Fansuri). *GEMA Online® Journal of Language Studies*, 24(2), 160–181. <https://doi.org/10.17576/gema-2024-2402-09>
- Alatas, S. F. (2018). The Persian Roots of Malay Political Theory: Taj Al-Salatin. Dalam Alatas, S. F., & Abdolreza Alami (Eds.), *The Civilisational and Cultural Heritage of Iran and the Malay World: A Cultural Discourse*. Gerakbudaya & Embassy of Iran, Kuala Lumpur.
- Al-Attas, S. M. N. (1966). *The Mysticism of Hamzah Fansuri*. University of London, School of Oriental and African Studies (United Kingdom).
- Al-Attas, S. M. N. (1971). *Concluding Postscript to The Origin of the Malay Sha'ir*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Austrus, E., Mahamod, Z., & Adnan, N. (2024). Factors Influencing Malays as a Second Language Learning in Essay Writing: A case study of Iban Ethnic Students in Sarawak, Malaysia. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 20(4). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.02>
- Braginsky, V. I. (1992). Puisi Sufi: Perintis Jalan. *Analisis Syair-Syair Hamzah Fansuri Tentang Kekasih, Anggur dan Laut*. Dewan Bahasa dan Pustaka Kuala Lumpur.
- Braginsky, V. I. (1999). Towards the Biography of Hamzah Fansuri. When Did Hamzah Live? Data From His Poems and Early European Accounts. *Archipel*, 57(2), 135–175. <https://doi.org/10.3406/arch.1999.3521>
- Brakel, L. V. (1969). The birth place of Hamza Pansuri. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 42(2 (216), 206-212. <https://www.jstor.org/stable/41492001>
- Cartesao, A. (Ed.). (1967). *The Suma Oriental of Tome Pires*. Nindeln-Lichtenstein:Kraus Reprint Ltd. (Cetakan Pertama 1944).
- Chularatana, Julispong. (2008). "The Shi'ite Muslims in Thailand from Ayutthaya Period to the Present." *Manusya: Journal of Humanities* 11 (4), 37-58. https://brill.com/view/journals/mnya/11/4/article-p37_2.xml
- Davis, J. (2017). *The Voyages and Works of John Davis the Navigator*. Routledge.

- Drewes, G. W. (1986). Nūr al-Dīn al-Rānīrī's Charge of Heresy Against Hamzah and Shamsuddin from an International Point of View. In *Cultural Contact and Textual Interpretation* (54-59). Brill.
- Drewes, J., & Brakel, L. F. (1986). *The Poems of Hamzah Fansuri*. Biblioteca Indonesica.
- Fernão Mendes Pinto, & Catz, R. (2001). *The Travels of Mendes Pinto*. University of Chicago Press.
- Hadi, A. (2003). Exploring The Life of Hamzah Fansuri a Historical Study. *Al-Jami'ah: Journal of Islamic Studies*, 41(2), 277-306.
- Hakiki, K. M. (2018). TASAWUF WUJŪDIYYAT: Tinjauan Ulang Polemik Penyesatan Hamzah Fansūrī oleh Shaykh Nūr al-Dīn al-Ranīrī. *Jurnal THEOLOGIA*, 29(1), 25. <https://doi.org/10.21580/teo.2018.29.1.2400>
- Johns, A. H. (1990). The Poems of Hamzah Fansuri. *Bijdragen tot de Taal, Land-en Volkenkunde*, 146(2), 325-331.
- Marcinkowski, M. I. (2002). The Iranian-siamese connection: an Iranian community in the Thai kingdom of Ayutthaya. *Iranian Studies*, 35(1-3), 23–46. <https://doi.org/10.1080/00210860208702010>
- Mazlan, M. S., Mohd Rus, A. K. A., & Mohamed Hassan, N. (2025). Perkembangan Penyiaran Televisyen di Malaysia: Analisis Terpilih Terhadap Kemajuan Teknologi, 1963 – 1983. *E-Bangi Journal of Social Science and Humanities*, 22(1). <https://doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.34>
- Miswari, M. (2023). Reconstruction of the History of Hamzah Fansuri's Life and Recognition of His Works. *Kanz Philosophia: A Journal for Islamic Philosophy and Mysticism*, 9(2), 195-214. DOI: <https://doi.org/10.20871/kpjipm.v9i2.267>
- Ni'am, S. (2017). Hamzah Fansuri: Pelopor Tasawuf Wujudiyah dan Pengaruhnya Hingga Kini di Nusantara. *Epistemé: Jurnal Pengembangan Ilmu Keislaman*, 12(1). <https://doi.org/10.21274/epis.2017.12.1.261-286>
- Nur Arifa, & Nur Widad Mazaya. (2023). Penanaman Nilai Spiritual-Tasawuf pada Peserta Didik Melalui Syair Perahu Karya Syekh Hamzah Fansuri. *Transformasi Manageria*, 4(1), 132–148. <https://doi.org/10.47467/manageria.v4i1.4017>
- Villiers, J. (1998). Portuguese and Spanish sources for the history of Ayutthaya in the sixteenth century. *Journal of the Siam Society*, 86, 119-130.
- Wain, A., & Kamali, M. H. (2018). *The Architects of Islamic Civilisation*. Pelanduk Publications.
- Yasin, M., Ondeng, S., & Abdul Hamzah, A. (2024). Perkembangan Bahasa dan Sastra Arab di Berbagai Negara (Mesir, India dan Indonesia Lama). *AL-QIBLAH: Jurnal Studi Islam Dan Bahasa Arab*, 3(1), 21–35. <https://doi.org/10.36701/qiblah.v3i1.1274>